



TEKS UCAPAN

**YAB DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM
PERDANA MENTERI**

SEMPENA

SAMBUTAN RUMAH TERBUKA DEEPAVALI MADANI 2024

31 OKTOBER 2024 (KHAMIS) | 11.30 PAGI

SENTUL DEPOT, KUALA LUMPUR

*Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh dan
Salam Sejahtera.*

Saudara dan saudari, *Iniya Deepavali Nalvazhthukkal!*

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi,

Timbalan Perdana Menteri;

Yang Berhormat Tan Sri Dato' Johari bin Abdul,

Yang diPertua Dewan Rakyat;

Yang Berhormat Tuan Gobind Singh Deo,

Menteri Digital;

Yang Berbahagia Puan Sangeeta Kaur Sidhu;

Menteri-menteri, Timbalan Menteri; dan

Rakan-rakan saya muliakan.

1. Terima kasih *nandri*, atas jemputan ini. Saya percaya sambutan Deepavali ini, sambutan masyarakat Hindu tetapi disambut bersama seluruh rakyat Malaysia dan kita lihat hari ini pelbagai kaum, bukan sahaja dari keluarga Kementerian Digital, tetapi seluruh rakyat, seluruh negara bersama-sama meraikannya. Kita tahu semangat Deepavali ini ialah *festival of lights*, iaitu menyemarakkan lampu, cahaya menggantikan kegelapan.
2. Jadi ada sejarahnya yang harus rakyat Malaysia umumnya ambil tahu bahawa sambutan ini ada tujuannya untuk menyatakan bahawa hidup ini lebih daripada sekadar makan minum, kesejahteraan bersama, tetapi untuk meneruskan perjuangan ke arah kebaikan, ke arah keadilan, ke arah masa depan yang lebih baik.
3. Mudah-mudahan semangat Deepavali ini memberikan ruang kepada kita masyarakat yang beragama Hindu dan rakan-rakan untuk membawa Malaysia ke arah cahaya yang lebih gemerlapan.
4. Saya hanya datang untuk menyerikan majlis ini dan tidak mahu ganggu saudara yang memang sudah lama tunggu tak sabar nak makan.

5. Penerangan daripada saudara Yang Berhormat Tuan Gobind Singh Deo lengkap tentang langkah-langkah kita ambil. Kalau ada apa-apa kelemahan dan kekurangan, ada Menteri-menteri jadi tolong beritahu kepada mereka dan kita akan perbaiki kerana semangat kita apa? Dari yang gelap tuju kepada yang cerah, dari kegelapan kepada cahaya semangat Deepavali.

Nandri Vanakkam.